

**RUANG KETIGA PADA GERBANG
RUMAH PERANAKAN, PECINAN, LASEM,
JAWA TENGAH, INDONESIA
KAJIAN KES: RUMAH PERANAKAN
KIDANG MAS**

TESSA EKA DARMAYANTI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**RUANG KETIGA PADA GERBANG
RUMAH PERANAKAN, PECINAN, LASEM,
JAWA TENGAH, INDONESIA
KAJIAN KES: RUMAH PERANAKAN
KIDANG MAS**

oleh

TESSA EKA DARMA YANTI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2021

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, Syukur kepada Allah S.W.T., kerana hanya dengan limpah kurniaNya maka saya boleh menyiapkan tesis ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama Profesor Dr. Azizi Bahauddin dan penyelia kedua Dr. Mohd. Jaki bin Mamat. Alhamdulillah, Allah S.W.T telah memberikan penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar, sokongan, pendapat dan berkongsi ilmu dengan penuh kesabaran sehingga saya telah berjaya menyelesaikan tesis ini.

Terimakasih kepada Ibu Bapa tercinta, Bapa Dermawan Harja Kusumah dan Ibu Bandiyah Apriyanti Eka Putri yang doanya tidak pernah berhenti dialunkan untuk saya. Anak tersayang, Athariq Okazaki Ichiro yang telah menjadi motivasi sehingga saya boleh menyelesaikan penulisan tesis ini. Adik-adik tersayang yang telah memberi semangat dari awal belajar di Universiti Sains Malaysia sehingga selesai. Ucapan terimakasih ini juga ditujukan kepada pihak Universitas Kristen Maranatha, Bandung kerana telah membiayai penyelidikan saya sehingga berjaya. Ia juga telah memberikan sokongan waktu dan kesempatan kepada saya untuk menjalankan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia. Tidak dilupakan juga kepada waris-waris rumah Peranakan di Lasem, Jawa Tengah yang memberi kerjasama penuh, terutama kepada waris rumah Peranakan Kidang Mas di Babagan, Lasem. Tanpa mereka, amat sukar pengumpulan data di kajian lapangan berjaya diperolehi. Akhirnya kepada semua pihak yang telah membantu dalam proses menyelesaikan tesis ini, yang tidak dapat disebutkan satu persatu, saya sampaikan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga, semoga berkat Allah S.W.T membalas semua kebaikan yang telah diberikan.

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|-------------|
| PENGHARGAAN..... | ii |
| ISI KANDUNGAN..... | iii |
| SENARAI JADUAL | viii |
| SENARAI RAJAH..... | ix |
| SENARAI CARTA | xiii |
| SENARAI LAMPIRAN..... | xiv |
| ABSTRAK..... | xv |
| ABSTRACT..... | xvii |
| BAB 1 PENDAHULUAN KAJIAN..... | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian..... | 2 |
| 1.3 Kerangka Teori..... | 10 |
| 1.4 Takrifan Umum Seni Bina dan Rumah | 13 |
| 1.4.1 Seni Bina dan Rumah..... | 14 |
| 1.4.2 Gerbang Rumah..... | 15 |
| 1.5 Permasalahan Kajian | 18 |
| 1.6 Persoalan Kajian..... | 21 |
| 1.7 Objektif Kajian | 22 |
| 1.8 Faedah Kajian..... | 24 |
| 1.9 Skop Kajian | 25 |
| 1.10 Rumusan..... | 28 |
| 1.11 Struktur Disertasi..... | 28 |
| BAB 2 SOROTAN LITERATUR..... | 31 |
| 2.1 Pengenalan | 31 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| 2.2 | Takrifan dalam Kajian..... | 32 |
| 2.3 | Kajian Literatur | 38 |
| 2.3.1 | Kajian Lepas: Lasem dan Rumah Peranakan di Lasem | 39 |
| 2.3.2 | Kajian Lepas: Gerbang Rumah Peranakan di Lasem..... | 41 |
| 2.3.3 | Kajian Lepas: Ruang Ketiga dan Fenomenologi | 42 |
| 2.4 | Sejarah dan Perkembangan Sosial-Budaya Lasem, Jawa Tengah | 43 |
| 2.4.1 | Maklumat Kawasan Pecinan, Lasem | 47 |
| 2.5 | Kewujudan Budaya Asing dan Tempatan pada Rumah Peranakan, Lasem.... | 51 |
| 2.5.1 | Kajian Lepas Semu Bina Cina dan Pengaruhnya pada Rumah Peranakan di Lasem | 51 |
| 2.5.2 | Kajian Seni Bina Tradisional Jawa | 59 |
| 2.5.2(a) | Pengaruh Seni Bina Tradisional Jawa pada Rumah Peranakan di Lasem | 61 |
| 2.5.3 | Kajian Seni Bina Gaya <i>Indische</i> di Indonesia dan Pengaruhnya pada Rumah Peranakan di Lasem | 62 |
| 2.6 | Kajian Gerbang Berdasarkan Budaya Cina, Jawa dan <i>Indische</i> | 66 |
| 2.7 | Gerbang Rumah Peranakan, Lasem | 68 |
| 2.7.1 | Pelbagai Aktiviti di Persekitaran Gerbang Rumah Peranakan, Pecinan, Lasem..... | 71 |
| 2.8 | Takrifan Tentang Ruang..... | 73 |
| 2.8.1 | Maklumat Ruang Ketiga dan Fenomenologi | 75 |
| 2.8.2 | Perkaitan Konsep Ruang Ketiga dan Fenomenologi..... | 77 |
| 2.9 | Rumusan..... | 78 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | 91 |
| 3.1 | Pengenalan | 91 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian Kualitatif..... | 93 |
| 3.3 | Proses Kajian dengan Kaedah Kualitatif..... | 98 |
| 3.3.1 | Instrumen Kajian | 99 |

| | | |
|---------------|--|------------|
| 3.3.2 | Teknik dan Strategi Kajian: Etnografi, Kajian Kes, Fenomenologi dan Naratif..... | 100 |
| 3.3.2(a) | Kajian Budaya Lasem dengan Etnografi | 100 |
| 3.3.2(b) | Penentuan Kajian Kes Rumah Peranakan di Pecinan, Lasem..... | 102 |
| 3.3.2(c) | Meneroka Pengalaman dengan Fenomenologi Pallasmaa..... | 121 |
| 3.3.2(d) | Naratif sebagai Huraian Kajian | 126 |
| 3.4 | Pengumpulan Maklumat Kajian..... | 130 |
| 3.4.1 | Maklumat Utama..... | 130 |
| 3.4.1(a) | Maklumat Visual | 132 |
| 3.4.1(b) | Maklumat Lisan: Naratif..... | 133 |
| 3.4.2 | Maklumat Sekunder | 138 |
| 3.5 | Kaedah Analisis Maklumat | 139 |
| 3.6 | Tempoh Pemerhatian Langsung..... | 140 |
| 3.7 | Rumusan..... | 141 |
| BAB 4 | KAJIAN KES: RUMAH PERANAKAN KIDANG MAS, BABAGAN, LASEM..... | 143 |
| 4.1 | Pengenalan | 143 |
| 4.2 | Rumah Peranakan Kidang Mas (RPKM)..... | 145 |
| 4.2.1 | Kajian Persekitaran, Sejarah dan Latar Belakang RPKM..... | 154 |
| 4.2.1(a) | Persekitaran dan Seni Bina RPKM..... | 155 |
| 4.2.1(a)(i) | Orientasi dan Organisasi Tapak Lokasi dan Kompleks RPKM | 156 |
| 4.2.1(a)(ii) | Komponen Seni Bina RPKM: Gerbang, Bumbung, Facade..... | 158 |
| 4.2.1(a)(iii) | Organisasi Ruang | 162 |
| 4.2.1(a)(iv) | Komponen Ruang Dalaman | 163 |
| 4.2.1(b) | Sejarah dan Latar Belakang RPKM..... | 166 |

| | | |
|--------------|--|------------|
| 4.3 | Hubungan Organisasi Tapak RPKM dengan Aktiviti Peribadi dan Awam..... | 168 |
| 4.4 | Rumusan Data Kajian Kes RPKM | 174 |
| BAB 5 | ANALISIS KAJIAN KES: RUMAH PERANAKAN KIDANG MAS..... | 175 |
| 5.1 | Pengenalan | 175 |
| 5.2 | Interpretasi Hasil Analisis Kajian Kes | 180 |
| 5.2.1 | RPKM dari Perspektif Persekitaran Pecinan, Lasem..... | 180 |
| 5.2.2 | RPKM dari Perspektif Dalaman Kompleks | 184 |
| 5.2.2(a) | Perkaitan Komponen Trialektik Ruang dan RPKM. ... | 184 |
| 5.2.2(a)(i) | Komponen Budaya Ketara Di RPKM..... | 185 |
| 5.2.2(a)(ii) | Komponen Budaya Tidak Ketara Di RPKM..... | 193 |
| 5.3 | Pendekatan Fenomenologi dalam Menilai RPKM dari Perspektif Penyelidik dan Penghuni | 198 |
| 5.3.1 | Menilai Gerbang RPKM menerusi Pendekatan Fenomenologi ... | 212 |
| 5.4 | Diskusi Dapatan Utama: Kewujudan Ruang Ketiga di Gerbang RPKM..... | 218 |
| 5.5 | Kesimpulan Bab Lima..... | 222 |
| BAB 6 | KESIMPULAN DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN | 225 |
| 6.1 | Pengenalan | 225 |
| 6.2 | Aspek Sosial dan Budaya Yang Mempengaruhi Seni Bina Rumah dan Kewujudan Gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas (RPKM)..... | 226 |
| 6.3 | Komponen-Komponen Trialektik Ruang yang Membentuk Kewujudan Identiti pada Gerbang RPKM..... | 228 |
| 6.3.1 | Takrifan Tempatan Ruang Ketiga dan Bahasa Seni Bina Gerbang | 233 |
| 6.4 | Sumbangan Kajian | 238 |
| 6.4.1 | Sumbangan Kajian: Aspek Metodologi | 239 |
| 6.4.2 | Sumbangan Kajian: Aspek Falsafah | 240 |
| 6.4.3 | Sumbangan Kajian: Aspek Teori | 240 |

| | | |
|-----|------------------------------------|------------|
| 6.5 | Cadangan Kajian Masa Hadapan | 241 |
| | GLOSARI..... | 243 |
| | RUJUKAN..... | 245 |
| | LAMPIRAN | |

SENARAI JADUAL

Muka Surat

| | | |
|------------|---|-----|
| Jadual 1.1 | Jenis takrifan trialektik ruang..... | 11 |
| Jadual 2.1 | Jenis-jenis bumbung dari Cina dan di Lasem..... | 53 |
| Jadual 2.2 | Jenis hiasan unsur semula jadi pada bangunan Cina..... | 55 |
| Jadual 2.3 | Pelbagai motif hiasan cina pada bangunan Cina di Lasem..... | 57 |
| Jadual 2.4 | Jurang kajian daripada maklumat penyelidikan terdahulu..... | 81 |
| Jadual 3.1 | Pelbagai jenis gerbang rumah Peranakan, Pecinan, Lasem..... | 105 |
| Jadual 3.2 | Kategori konsep pemilihan rumah Peranakan sebagai kajian kes..... | 116 |
| Jadual 3.3 | Maklumat kumpulan kepakaran informan..... | 135 |
| Jadual 6.1 | Karakter zon gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas (RPKM)..... | 237 |
| Jadual 6.2 | Sumbangan Kajian..... | 238 |

SENARAI RAJAH

Muka Surat

| | | |
|------------|--|----|
| Rajah 1.1 | Peta Lokasi Lasem – daripada peta tahun 1695 | 3 |
| Rajah 1.2 | Maklumat perihal kayu jati di Lasem – Surat khabar <i>De Oostpost</i> tahun 1855 | 5 |
| Rajah 1.3 | Rumah Candu Lawang Ombo (atas) dan Rumah Kapitan Cina (bawah), Kampung Soditan, Lasem | 7 |
| Rajah 1.4 | Rumah Peranakan di Jakarta (atas) dan Rumah Peranakan Oey Djie San di Tangerang sebelum dimusnahkan pada tahun 2008 (bawah)..... | 8 |
| Rajah 1.5 | Rumah Peranakan Tan Tjong Hay, Semarang, Jawa Tengah | 8 |
| Rajah 1.6 | Rumah Peranakan Khow Kim An, Jakarta, Jawa Barat..... | 9 |
| Rajah 1.7 | Rumah Peranakan Tjong A Fie, Medan, Sumatera Utara | 9 |
| Rajah 1.8 | Gerbang rumah Peranakan, Pecinan, Lasem..... | 13 |
| Rajah 1.9 | Skop kajian di Tiga Kawasan Pecinan, Lasem | 27 |
| Rajah 2.1 | Peta kedudukan Lasem di dalam Kawasan Rembang..... | 44 |
| Rajah 2.2 | Perubahan kawasan Lasem dari masa ke masa | 47 |
| Rajah 2.3 | Komponen Pecinan; Perumahan (kiri), Pasar (tengah) dan Tokong (kanan)..... | 48 |
| Rajah 2.4 | Perkembangan kawasan Pecinan di Lasem..... | 49 |
| Rajah 2.5 | Empat kawasan Pecinan di Lasem | 50 |
| Rajah 2.6 | Bentuk bumbung pada tokong di Indonesia; Sampokong, Semarang (kiri) dan Cu An Kiong, Lasem (kanan) | 52 |
| Rajah 2.7 | Taman tengah (<i>courtyard</i>) terbuka di rumah Cina..... | 53 |
| Rajah 2.8 | Seni bina dan jenis bumbung bangunan tradisional Jawa..... | 60 |
| Rajah 2.9 | Akulturasasi pada bumbung rumah Peranakan di Lasem..... | 61 |
| Rajah 2.10 | Kesamaan prinsip susun atur rumah tradisional Jawa dan rumah Peranakan Lasem | 62 |

| | | |
|------------|--|-----|
| Rajah 2.11 | Ciri khas bangunan Indis; Serombong asap semu | 63 |
| Rajah 2.12 | Serombong asap semu pada Tiyamah, Masjid Agung Banten (atas), Gedung Arkip Nasional, Jakarta (kiri) dan Pejabat Pos, Bandung (kanan) | 64 |
| Rajah 2.13 | Serombong asap semu di Rumah Peranakan, Lasem..... | 64 |
| Rajah 2.14 | Pengaruh gaya Indis – Bentuk melengkung pada pintu | 65 |
| Rajah 2.15 | Pengaruh gaya Indis – Penggunaan tiang klasik Eropah..... | 66 |
| Rajah 2.16 | Pengaruh gaya Indis – Rumah Peranakan, Karangturi, Lasem..... | 66 |
| Rajah 2.17 | Gerbang Kecil (<i>Hek</i>) dan Gerbang Besar (utama) | 70 |
| Rajah 2.18 | Aktiviti di persekitaran gerbang: Festival Lasem dan Sedekah Bumi..... | 72 |
| Rajah 2.19 | Aktiviti di persekitaran gerbang: Penyelidikan Bangunan Bersejarah..... | 72 |
| Rajah 2.20 | Aktiviti di persekitaran gerbang: Aktiviti harian | 72 |
| Rajah 2.21 | Aktiviti di persekitaran gerbang: Menyambut tamu..... | 73 |
| Rajah 3.1 | Penanda kawasan Lasem, Jawa Tengah..... | 95 |
| Rajah 3.2 | Skop kawasan pemerhatian di Kampung Soditan (KS) | 113 |
| Rajah 3.3 | Skop kawasan pemerhatian di Kampung Karangturi (KK) | 114 |
| Rajah 3.4 | Skop kawasan pemerhatian di Kampung Babagan (KB)..... | 115 |
| Rajah 4.1 | Kawasan Lasem, Jawa Tengah, Indonesia..... | 144 |
| Rajah 4.2 | Peta kedudukan Rembang dan Lasem, Jawa Tengah, Indonesia..... | 144 |
| Rajah 4.3 | Laluan masuk Kampung Babagan, Lasem..... | 146 |
| Rajah 4.4 | Aktiviti membatik di Kampung Babagan, Lasem..... | 147 |
| Rajah 4.5 | Tokong Gie Tong Bio (kiri) dan Patung Raden Panji Margono (kanan)..... | 147 |
| Rajah 4.6 | Kajian kes: Rumah Peranakan Kidang Mas, Babagan, Lasem | 148 |
| Rajah 4.7 | Serambi dan persekitaran kompleks RPKM Babagan | 149 |

| | | |
|------------|---|-----|
| Rajah 4.8 | Corak khas Lasem – Kracak (kiri), Sisik Trenggiling (tengah) dan Latohan (kanan)..... | 150 |
| Rajah 4.9 | Warna moden pada batik Kidang Mas, Babagan..... | 150 |
| Rajah 4.10 | Tokwi Asli (atas) dan Tokwi Batik (bawah) – Kidang Mas | 151 |
| Rajah 4.11 | Aktiviti kehidupan seharian di RPKM, Babagan..... | 151 |
| Rajah 4.12 | Aktiviti membuat batik di RPKM, Babagan..... | 152 |
| Rajah 4.13 | Aktiviti perniagaan batik di RPKM, Babagan | 152 |
| Rajah 4.14 | Altar sembahyang di RPKM, Babagan | 154 |
| Rajah 4.15 | Kedudukan Kampung Babagan berdasarkan orientasi tapak RPKM..... | 157 |
| Rajah 4.16 | Lukisan gerbang RPKM..... | 159 |
| Rajah 4.17 | Rekod pelan gerbang RPKM | 159 |
| Rajah 4.18 | Jenis bumbung <i>Ngan-Shan</i> dan <i>Limasan</i> | 160 |
| Rajah 4.19 | Prinsip asas bumbung Limasan pada RPKM..... | 161 |
| Rajah 4.20 | Jenis bumbung Limasan pada RPKM..... | 161 |
| Rajah 4.21 | Ruang Dalaman RPKM – Ruang Depan (kiri) & Ruang Belakang (kanan)..... | 163 |
| Rajah 4.22 | Material Asli Bangunan Utama RPKM – Serambi Depan: Dinding Kayu & Siling..... | 164 |
| Rajah 4.23 | Reka Bentuk Pintu Hadapan (kiri) & Belakang RPKM (kanan)..... | 165 |
| Rajah 4.24 | Ragam Hias pada Tiang Penyokong di Serambi Hadapan RPKM... | 166 |
| Rajah 4.25 | Perubahan peredaran aktiviti di dalam Kompleks RPKM..... | 172 |
| Rajah 5.1 | Perubahan peredaran aktiviti di dalam Kompleks RPKM: Sebelum 1980 (kiri) dan Setelah 1980 (kanan)..... | 189 |
| Rajah 5.2 | a. Ilustrasi perubahan dan perkembangan pelan Kompleks RPKM: Sebelum tahun 1980 sehingga tahun 1995 | 191 |
| | b. Ilustrasi perubahan dan perkembangan pelan Kompleks RPKM: Tahun 1996-2013 dan Tahun 2014 - Sekarang..... | 192 |
| Rajah 5.3 | Aktiviti memasak <i>Tumpeng</i> dan <i>Slametan</i> membina kedai batik | 197 |

| | |
|------------|---|
| Rajah 5.4 | Lukisan aktiviti di Serambi hadapan RPKM – Bercerita tentang batik kepada tamu203 |
| Rajah 5.5 | Lukisan aktiviti Mamih K & Cucu di Serambi belakang RPKM204 |
| Rajah 5.6 | Lukisan Papih G melipat kain batik di serambi belakang.....206 |
| Rajah 5.7 | Lukisan aktiviti melipat kain Mori di Lorong <i>Courtyard</i> RPKM.....207 |
| Rajah 5.8 | Lukisan aktiviti memasak dengan <i>Tungku Arang</i> di dapur RPKM.....209 |
| Rajah 5.9 | Lukisan aktiviti mempersiapkan tumpeng Slametan di dapur209 |
| Rajah 5.10 | Lukisan aktiviti membatik di bengkel batik.....210 |
| Rajah 5.11 | Lukisan gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas212 |
| Rajah 5.12 | Lukisan gerbang RPKM dan tradisi membeli bakso215 |
| Rajah 5.13 | Pelbagai aktiviti di gerbang RPKM217 |
| Rajah 5.14 | Ilustrasi peringkat awal kewujudan trialektik ruang sebuah rumah.219 |
| Rajah 5.15 | Ilustrasi peringkat kewujudan R1 dan R2 di rumah Peranakan220 |
| Rajah 5.16 | Ilustrasi kewujudan R3 di gerbang rumah Peranakan.....221 |
| Rajah 5.17 | Ilustrasi persekitaran menunjukkan kewujudan R3 di gerbang rumah Peranakan222 |
| Rajah 6.1 | Ilustrasi pengaruh aspek sosial dan budaya di RPKM.....227 |
| Rajah 6.2 | Ilustrasi RPKM dalam kedudukan ruang sosial229 |
| Rajah 6.3 | Ilustrasi kewujudan gerbang dengan rumah keadaan “hidup”232 |
| Rajah 6.4 | Ilustrasi kewujudan gerbang dengan rumah keadaan “mati”232 |
| Rajah 6.5 | Takrifan komponen ruang ketiga (ruang identitas tempatan)235 |

SENARAI CARTA

Muka Surat

| | | |
|-----------|--|-----|
| Carta 1.1 | Kerangka teori penyelidikan | 3 |
| Carta 2.1 | Tiga keadaan (<i>moment</i>) trialektik ruang | 34 |
| Carta 2.2 | Huraian Teori Ruang Ketiga Lefebvre-Soja dan Fenomenologi-Pallasmaa..... | 76 |
| Carta 2.3 | Aliran konsep penyelidikan..... | 90 |
| Carta 3.1 | Objektif kajian dan kaedah penyelidikan kualitatif yang digunakan | 92 |
| Carta 3.2 | Aliran konsep penyelidikan..... | 94 |
| Carta 3.3 | Proses pengumpulan maklumat utama penyelidikan ruang ketiga pada gerbang rumah Peranakan Kidang Mas, Lasem | 96 |
| Carta 3.4 | Aliran penyelidikan gerbang rumah Peranakan, Lasem | 99 |
| Carta 3.5 | Carta alir penentuan sampel kajian kes secara berperingkat..... | 104 |
| Carta 3.6 | Kaedah pengambilan maklumat utama | 131 |
| Carta 3.7 | Proses pengumpulan maklumat visual | 133 |
| Carta 3.8 | Proses pengumpulan maklumat lisan..... | 135 |
| Carta 3.9 | Kaedah Analisis: Model Interaktif..... | 140 |
| Carta 4.1 | Salasilah keluarga di rumah Peranakan Kidang Mas: Generasi pertama sehingga generasi ketujuh | 168 |
| Carta 5.1 | Carta aliran kerangka analisa dan dapatan kajian kes..... | 179 |

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Data kajian kes RPKM
- Lampiran B Tiga keadaan (moment) trialektik ruang
- Lampiran C Senarai nama responden yang ditemu bual
- Lampiran D Perincian pemerhatian langsung rumah Peranakan di Tiga Pecinan Lasem – Soditan, Karangturi dan Babagan
- A. Sejarah tapak kajian: Lasem
 - B. Pelbagai aktiviti di Pecinan, Lasem
 - C. Kampung Soditan
 - D. Kampung Karangturi
 - E. Kampung Babagan
- Lampiran E Lapisan aktiviti melalui Teori Trialektik Ruang di Rumah Peranakan Kidang Mas (RPKM)
- Lampiran F Foto bersama responden ketika temu bual
- Lampiran G Beberapa contoh soalan sebagai panduan temu bual tidak berstruktur
- Lampiran H Foto daripada pemerhatian langsung di RPKM yang dibuat lukisan tangan
- Lampiran I Senarai kertas penyelidikan

**RUANG KETIGA PADA GERBANG RUMAH PERANAKAN
PECINAN, LASEM, JAWA TENGAH, INDONESIA
KAJIAN KES: RUMAH PERANAKAN KIDANG MAS**

ABSTRAK

Gerbang rumah Peranakan di Pecinan Lasem dilihat sebagai ikon. Namun, menjaga kewujudan gerbang tersebut menjadi cabaran serius kerana kurangnya perhatian daripada pemerintah dan kefahaman masyarakat tentang nilai sejarah dan budaya. Kewujudannya semakin terhakis disebabkan beberapa fenomena yang berlaku terhadap rumah Peranakan di Pecinan, Lasem iaitu ditinggalkan, diruntuhkan, dieksploitasi dan dihias secara keterlaluan. Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang pelbagai 'watak' menerusi pelbagai aktiviti pada gerbang rumah Peranakan di dalam ruang ketiga, agar falsafahnya tidak hilang dan identitinya tetap terpelihara. Teori trialektik ruang daripada Lefebvre-Soja memberikan perspektif yang berbeza tentang kewujudan ruang ketiga pada gerbang rumah Peranakan menerusi kajian kes rumah Peranakan Kidang Mas (RPKM). Perspektifnya ditafsirkan melalui pengalaman penghuni rumah dan penyelidik berdasarkan aspek sosial dan budaya yang berlaku di persekitaran Lasem dan Pecinan. Analisis dilakukan dengan pendekatan etnografi, membuat lukisan tangan yang diperkuat dengan konsep tujuh deria manusia menerusi pendekatan fenomenologi daripada Pallasmaa. Semuanya dihuraikan secara terperinci menerusi kaedah naratif yang berkaitan dengan keadaan sosial dan budaya tempatan. Kajian ini akhirnya memberikan tiga sumbangan penyelidikan. Pertama adalah aspek metodologi iaitu penggabungan teori trialektik ruang Lefebvre-Soja dengan kaedah fenomenologi-Pallasmaa menerusi lukisan tangan dan konsep tujuh deria manusia yang memperkuat

huraian naratif. Sumbangan kedua adalah aspek falsafah yang melahirkan pemahaman baharu tentang kewujudan sebuah gerbang rumah Peranakan, yang dipengaruhi oleh dua aspek sosial budaya yang datang dari luar gerbang yang bersifat awam dan dari dalam gerbang yang bersifat persendirian. Keadaan ini menciptakan lapisan aktiviti yang berlaku pada gerbang berdasarkan waktu yang berbeza sehingga memberikan pelbagai pengalaman, makna dan bahasa pada gerbang rumah Peranakan sebagai ruang ketiga. Bahasa seni bina pada gerbang merangkumi bayangan, ritma, warna, skala dan tekstur yang ‘dilihat’ melalui pengaktifan tujuh deria manusia iaitu mata, telinga, hidung, kulit, lidah, otot dan tulang. Deria-deria ini memberikan kehidupan, jiwa, tenaga dan identiti kepada gerbang rumah RPKM. Sumbangan ketiga dilihat menerusi aspek teori, berdasarkan pelbagai aktiviti tempatan yang unik yang berlaku secara aktif dan berulang pada setiap generasi yang melahirkan takrifan tempatan— trialektik ruang berbahasa Indonesia iaitu RPU (Ruang Pendukung Utama), RPS (Ruang Pendukung Sekunder), dan RIL (Ruang Identiti Lokal). Dapatan kajian ini dapat menjadi rujukan kajian pada masa depan dan huraian cadangan kajian telah diketengahkan untuk kajian pada masa depan yang berkait rapat dengan kewujudan gerbang tersendiri pada seni bina tradisional atau bernilai tempatan.

**THIRD SPACE WITHIN THE GATEWAYS OF RUMAH PERANAKAN,
PECINAN, LASEM, CENTRAL JAVA, INDONESIA
CASE STUDY: PERANAKAN HOUSE OF KIDANG MAS**

ABSTRACT

The gateways to the Peranakan house in Lasem Chinatown are seen as an icon. However, maintaining the existence of these gates is a serious challenge due to the government's lack of attention and public understanding on historical and cultural values. Its manifestation is even more awful due to phenomena happened to the Peranakan house in Chinatown, Lasem, namely being abandoned, demolished, exploited, and overly decorated. This investigation aims to explore about the various "traits" in-depth through various activities at the Peranakan house gateway in the third room so that the philosophy is not lost and the identity is preserved. Space trialectic theory of Lefebvre-Soja provides a different perspective on the existence of the third room at the gate of the Peranakan house following the study on the Kidang Mas Peranakan house (RPKM). It is interpreted through the experiences of the residents and investigators based on the social and cultural aspects prevailing in the Lasem and Chinatown areas. The analysis was carried out using an ethnographic approach, made hand paintings reinforced by the concept of seven human senses following the phenomenological approach by Pallasmaa. Everything is described in detail using narrative methods related to the local social and cultural conditions. This study has finally made three investigative contributions. First is the methodological aspect, namely the merging of the Lefebvre-Soja space trialectic theory with the phenomenology-Pallasmaa principle by embracing hand painting and the concept of the seven human senses which reinforced the narrative thread. The second contribution

is the philosophical aspect that gives birth to a new understanding on the existence of a Peranakan house gate, influenced by two socio-cultural aspects that come from outside the gate which is common in nature and from inside the gate which gave the private feeling. The situations creates a layer of activity that applies to the gate based on different times to provide a variety of experiences, meanings, and language to the Peranakan house gate as the third space. The artistic language at the gate covered images, rhythms, colors, scales, and textures that are 'seen' through the activation of the seven human senses, namely eyes, ears, nose, skin, tongue, muscles, and bones. These senses give life, soul, energy, and identity to the gates of the RPKM house. The third contribution was seen through theoretical aspects, based on various unique local activities that apply actively and repeatedly in each generation that gives rise to local definitions—the Indonesian language space trialectics, namely RPU (*Primary Espousal Space*), RPS (*Supplementary Espousal Space*), and RIL (*Local Identity Space*). The findings of this study can be used as a reference for future studies and the reserve outline of the study has been put forward for future studies that are closely related to the existence of its distinctive gate in the art of traditional or local values.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di Indonesia, istilah “ruang ketiga” semakin sering dibincangkan dalam konteks sesebuah pembangunan dan pembahagian bandar. Menurut Anies Baswedan—Gabenor Jakarta yang sentiasa membawa gagasan ruang ketiga di dalam pelbagai pertemuan rasmi—ruang ketiga adalah ruang umum (*public space*), tempat bertemunya masyarakat. Ruang pertama adalah rumah dan ruang kedua adalah pejabat atau tempat beraktiviti di luar rumah. Anies juga mengatakan bahawa Indonesia masih kekurangan ruang ketiga yang mengandungi nilai-nilai, oleh itu kurang interaksi antara masyarakat yang semestinya dapat memberikan pengalaman (KOMPAS, 2019). Kenyataan itu selari dengan penyelidikan ini walaupun perbincangan beliau lebih menjurus kepada skop bandar manakala penyelidikan ini membincangkan skop yang lebih kecil iaitu Rumah Peranakan Kidang Mas di Lasem, khususnya bahagian gerbang. Walau bagaimanapun, sebuah ruang sentiasa memberikan pengalaman yang dapat menciptakan memori dan menggerakkan imaginasi individu yang mengalami.


Berdasarkan kepada huraian di atas, penyelidikan ini menerangkan apa yang ada pada gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas kawasan Pecinan (*Chinatown*), Lasem, khususnya dalam perspektif ruang ketiga yang membawa kepada kepentingan utama iaitu makna dan falsafah yang berkait rapat dengan tradisi dan budaya. Kewujudan rumah dan gerbang rumah Peranakan di Lasem, khususnya kawasan Pecinan sedang dalam keadaan pelestarian yang kritikal. Oleh itu, hal ini

perlu dikaji lebih awal dan dijelaskan kepada masyarakat umum kerana sesebuah gerbang rumah Peranakan mempunyai falsafah tersendiri yang perlu dikekalkan agar tidak pupus ditelan zaman. Selain itu, gerbang menjadi bahagian paling penting bagi sesebuah rumah. Gerbang dilihat sebagai “panggung sosial dan tradisi budaya” masyarakat Lasem dan dikenali sebagai “ciri paling ikonik (*the most iconic feature*)” di Lasem (Purwanto, 2018; Darmayanti, 2020). Gerbang rumah Peranakan di kawasan Kampung Cina atau Pecinan, Lasem yang dibincangkan mempunyai banyak kaitan dengan persepsi terhadap tradisi dan budaya, sejarah, dan identiti budaya yang berlaku di Lasem dan keluarga di dalam rumah. Sebelum dilanjutkan penjelasan kepada gerbang, hal-hal berkaitan rumah Peranakan di Pecinan, Lasem mesti difahami terlebih dahulu. Kemudian barulah hal gerbang dibincangkan dan dianalisis secara mendalam. Konsep ruang ketiga pada gerbang rumah Peranakan dan falsafahnya akan dibincangkan dan dipersembahkan untuk kemajuan dalam penyelidikan kualitatif ini. Pendekatan etnografi, fenomenologi dengan huraian naratif digunakan sebagai sokongan untuk mencapai dan memahami bahasa seni bina yang melibatkan gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas di Pecinan, Lasem.

1.2 Latar Belakang Kajian

Indonesia adalah negara kepulauan yang mempunyai lebih daripada 13,000 buah pulau. Wilayah kepulauannya terletak di sepanjang garis Khatulistiwa yang dikelilingi oleh lautan. Secara geografi, Indonesia terletak di titik laluan komunikasi dunia di antara dua benua iaitu Benua Asia dan Benua Australia. Indonesia juga berada di antara dua lautan iaitu Lautan Pasifik dan Lautan Hindi yang menghubungkan kepentingan negara-negara besar di bahagian barat dan timur, utara dan selatan. Kedudukan strategik ini menjadikan Indonesia sebagai laluan

perdagangan antarabangsa sejak masa silam dan menjadi tempat pertemuan pelbagai budaya. Indonesia mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan budaya asing tanpa kehilangan budaya kenegeriannya, khususnya di Pulau Jawa. Pulau Jawa terbahagi kepada tiga wilayah, iaitu Jawa Barat, Jawa Tengah, dan Jawa Timur. Orang yang lahir di Jawa Barat dikenali sebagai orang Sunda manakala orang yang lahir dan tinggal di bahagian tengah dan timur Pulau Jawa dikenali sebagai orang Jawa (Darmayanti, 2015). Mereka terkenal mempunyai tahap toleransi yang baik, serta mudah menerima kepelbagaian budaya asing seperti budaya Cina, Arab dan Eropah (Forshee, 2006). Namun demikian, kajian ini hanya memfokuskan satu bahagian sahaja iaitu Jawa Tengah, dengan tumpuan utama terhadap Lasem yang terletak di dalam kawasan Kabupaten Rembang (Rajah 1.1).



Rajah 1.1 Peta lokasi Lasem – daripada Peta tahun 1695
Sumber: Diubah suai daripada Arkib KITLV, Leiden, 2018


Lassem atau Lasem dipilih kerana tempat ini pernah menjadi industri maritim yang dapat menarik pendatang untuk membangunkan rumah di

persekitarannya. Walaupun kawasan pedalaman merupakan pusat pemerintahan pada era Bhre Lasem yang berkuasa dan penggantinya, nadi aktiviti ekonomi bertumpu di kawasan pelabuhan. Kawasan di sekitar pelabuhan menarik kedatangan orang Cina yang kemudian membina Pecinan. Kawasan Pecinan terletak berdekatan pelabuhan dan pasar, dan penduduk asli lebih suka tinggal di sekitar pelabuhan, pusat bandar, dan di sepanjang Sungai Lasem di hulu sungai (Lestari & Wiratama, 2019: 92). Oleh sebab itu, Lasem menjadi bandar perniagaan yang sentiasa meriah dengan pelbagai aktiviti. Masyarakatnya saling berinteraksi dengan peniaga asing sehingga wujud percampuran budaya seperti Cina, Arab, dan tempatan. Para peniaga yang datang, sebahagiannya memilih untuk tinggal di Lasem, ada juga yang berkahwin dengan orang tempatan sehingga terjadi akulturasi budaya. Kepelbagaian di Lasem bukan sekadar doktrin, tetapi telah melekat dalam kehidupan masyarakatnya (Handinoto, 2006). Kepelbagaian menjadi asas pembahagian perumahan masyarakat di Lasem iaitu kawasan masyarakat tempatan, *Kauman* untuk komuniti Arab dan *Pecinan* untuk komuniti Cina. Menurut de Graaf (1974), orang-orang Cina kali pertama datang ke Lasem sekitar abad ke-13 dengan matlamat untuk menjalankan perniagaan. Sebagai pengenalan, orang Cina di Indonesia terbahagi kepada dua iaitu Cina Totok atau dikenali sebagai Cina asli dan Peranakan Cina. Peranakan ialah sebutan yang dikhususkan untuk keturunan orang Cina negeri asal yang berkahwin dengan orang tempatan Indonesia. Komuniti Peranakan juga terdapat di beberapa negara seperti Singapura dan Malaysia. Di negeri Melaka dan Pulau Pinang, Malaysia, masyarakat Peranakan Cina terkenal sebagai Baba-Nyonya.

Lasem pernah menjadi salah satu bandar penting pada zaman Kerajaan Majapahit yang berkuasa terhadap beberapa kawasan di Jawa iaitu Pacitan sehingga Sedayu dekat muara sungai Bengawan Solo. Pada tahun 1354, Sri Rajasanagara atau

Hayam Wuruk yang menjadi pemimpin tertinggi Kerajaan Majapahit mengunjungi Lasem. Kunjungan beliau menjadi tanda bahawa Lasem adalah kawasan yang dapat memberi faedah kepada kerajaan melalui aktiviti maritim. Lasem menjadi pelabuhan penting dan kawasannya yang terlindung memberi kekuatan kepada Kerajaan Majapahit (Suroyo et al., 1994).

Pada akhir 1700 dan awal 1800, Lasem menjadi tempat ketiga yang mempunyai komuniti Cina terbesar di *Hindia Belanda* atau *Dutch East Indies* (Indonesia) setelah Batavia (sekarang Jakarta) dan Cirebon di Jawa Barat, sebelum Semarang di Jawa Tengah dan Surabaya di Jawa Timur meluas (Rembang TV, 2017). Lasem mempunyai Pecinan terbesar, dengan komponen yang paling lengkap seperti tokong, pasar dan kompleks perumahan dengan gerbang ikonik di sepanjang jalan selain warisan seni bina yang asli. Pada 24 Oktober 1855, surat khabar Bahasa Belanda iaitu *De Oostpost* merekodkan Lasem sebagai penghasil dan pusat perdagangan kayu jati (*jattih*) di Hindia Belanda. Ia tidak sahaja untuk digunakan di Lasem, tetapi juga diangkut dan dihantar ke kawasan lain melalui sungai Lasem dan pantai utara Jawa (Rajah 1.2).



Rajah 1.2 Maklumat tentang kayu jati di Lasem – Surat Khabar *De Oostpost* tahun 1855

Sumber: Arkib KITLV, Leiden, 2018

Kewujudan hutan pokok jati di Lasem menyokong pembuatan kapal-kapal besar yang telah ada sejak Kerajaan Majapahit dan Mataram. Aktiviti ini berterusan sehingga kejayaan kolonial Belanda di Indonesia, dan diambil alih Jepun pada tahun 1942. Soditan menjadi pusat kejuruteraan dan pembinaan kapal-kapal besar. Kawasan itu dipilih kerana terletak berhampiran laut (KOMPAS, 13 September 2008 & The Jakarta Post, 4 September 2018). Kayu jati berkait rapat dengan pembinaan rumah Peranakan di Lasem kerana ia banyak menggunakan kayu untuk pelbagai komponen rumah, terutamanya gerbang rumah.

Keistimewaan Lasem disokong oleh Pigeaud (1983) yang menyatakan bahawa Lasem sememangnya kota perniagaan, dengan banyak kaum borjuis Indonesia-Cina, dan dikenali sebagai kota “paling Cina” (*the most Chinese cities*) di Jawa. Selain itu, Lasem dikenali sebagai kawasan penting dalam perdagangan candu pada zaman kolonial Belanda. Pada masa itu, candu adalah sesuatu yang sah di sisi undang-undang. Ia dijual dalam kalangan bangsawan, orang Belanda dan orang Cina. Mereka yang tinggal di Lasem pada abad ke-19 sebagai peniaga candu merupakan golongan yang berharta yang memiliki rumah kompleks yang besar (banglo). Selain opium, batik tulis adalah sebahagian daripada perniagaan di Lasem yang bertahan hingga hari ini (Rush, 1990). Berdasarkan kenyataan tersebut, banyak rumah Peranakan yang digunakan sebagai gudang dan menjadi tempat perhimpunan penghisap candu. Beberapa rumah Peranakan yang menjadi rumah candu di Lasem ialah rumah Lawang Ombo dan rumah seorang Kapitan Cina (Rajah 1.3).



Rajah 1.3 Rumah Candu Lawang Ombo (atas) dan Rumah Kapitan Cina (bawah),
Kampung Soditan, Lasem.
Sumber: Darmayanti, 2017

Selain Lasem, banyak rumah Peranakan yang berserakan di beberapa tempat di Indonesia seperti Medan di Sumatera Utara, Jakarta dan Tangerang, Jawa Barat, dan Semarang di Jawa Tengah. Reka bentuk banglo menjadi daya tarikan dan ciri-ciri khas rumah Peranakan amnya, yang serupa di mana-mana tempat di Indonesia, seperti kewujudan sebuah rumah di Jakarta, Tangerang dan Semarang (Rajah 1.4-1.5).



Rajah 1.4 Rumah Peranakan di Jakarta (kiri) & Rumah Peranakan Oey Djie San di Tangerang sebelum dimusnahkan pada tahun 2008 (kanan).

Sumber: Perpustakaan Nasional Indonesia, 2017



Rajah 1.5 Rumah Peranakan Tan Tjong Hay, Semarang, Jawa Tengah.

Sumber: KITLV Press, 1994:102

Rumah Peranakan yang dibina pada tahun 1800 pernah dimiliki oleh Major Khoo Kim An dengan reka bentuk serupa dengan rumah Peranakan di Lasem (Rajah 1.6). Namun, jenis rumah Peranakan milik Tjong A Fie di Medan, Sumatera berbeza dengan jenis sebelum ini (Rajah 1.7) kerana bentuknya serupa dengan rumah Peranakan di Melaka dan Pulau Pinang, Malaysia. Walau bagaimanapun, kewujudan rumah-rumah tersebut tidak seperti rumah-rumah Peranakan di Lasem. Barisan gerbang-gerbang rumah Peranakannya yang unik yang menjadi daya tarikan sering dikaitkan sebagai identiti Lasem, dan dijadikan sebagai contoh komponen rumah Peranakan yang masih lengkap (Darmayanti et al., 2020d: 126).



Rajah 1.6 Rumah Peranakan Khow Kim An, Jakarta, Jawa Barat.
Sumber: www.aspertina.org, 2018



Rajah 1.7 Rumah Peranakan Tjong A Fie, Medan, Sumatera Utara.
Sumber: Darmayanti, 2016 & Perpustakaan Nasional Indonesia, 2017

Umumnya, kewujudan sesebuah seni bina dilihat daripada fizikalnya sahaja. Walau bagaimanapun, jika diamati dengan teliti, seni bina menyampaikan beberapa mesej berdasarkan kedudukan, aktiviti, keadaan sosial, budaya, dan sejarah dengan makna yang mendalam. Diketahui bahawa gerbang ialah komponen penting daripada seni bina rumah Peranakan Lasem. Ia mengandungi makna “ruang” kerana kewujudannya berkaitan dengan kepelbagaian aktiviti yang bersifat sekali atau berlanjutan. Kewujudan sesebuah bangunan berkait rapat dengan keadaan yang

berlaku dan siapa “pelakon” di dalamnya. Keadaan boleh mengalami pertumbuhan, perkembangan atau perubahan berasaskan “pelakon” dengan watak. Watak mempunyai makna yang berbeza mengikut kefahaman dan persekitaran. Pelakon dengan watak yang dimaksudkan ialah perseorangan atau kumpulan orang. Watak mereka memberi pengaruh pada kewujudan sesebuah ruang peribadi atau sosial. Pelakon memainkan wataknya sesuai dengan peraturan, perintah atau kebiasaan/ritual. Contohnya, bagaimana gerbang rumah Peranakan sebagai ruang disambut oleh para pelakon. Gerbang boleh dilihat sebagai sebahagian daripada komponen sebuah rumah, kawasan peribadi, tempat aktiviti sosial dan budaya, atau sebagai kepentingan pihak berkuasa seperti kerajaan/pemerintah.

1.3 Kerangka Teori

Konsep yang dapat melihat pelbagai “watak” pelakon terhadap pembentukan ruang dikenali sebagai ruang ketiga. Takrifan tersebut diperkenalkan oleh Edward Soja dalam bukunya yang bertajuk *Thirdspace* yang diterbitkan pada tahun 1996. Konsep ruang ketiga daripada Soja adalah berasaskan pemikiran Henri Lefebvre tentang trialektik ruang atau dikenali sebagai *the trialectics of spatiality* atau *the spatial triad* iaitu ruang fizikal atau *perceived space*, representasi ruang atau *conceived space* dan ruang representasi atau *lived space*.

Lefebvre telah mengilhami Soja untuk meneroka lebih mendalam tentang ruang kehidupan manusia (*human life spatial*). Berdasarkan kenyataan itu, beliau membahagikan ruang kepada tiga, iaitu ruang pertama (*firstspace*) yang dialami sehari-hari, ruang kedua (*secondspace*) yang merujuk kepada hal-hal abstrak yang dibentuk oleh pemikiran yang dikenali juga sebagai ruang sosial, dan ruang ketiga

(*thirdspace*) iaitu ruang yang dialami dengan melibatkan hal-hal bersifat nyata (*real*) dan tidak nyata (*imagined*) (Jadual 1.1).

Jadual 1.1 Jenis takrifan trialektik ruang

| Takrifan ruang daripada Lefebvre | | |
|--|---|---|
| <i>Perceived</i> | <i>Conceived</i> | <i>Lived</i> |
| Ruang praktik (<i>Spatial Practice</i>): Ruang fizikal dan bersifat ketara. | Respresentasi ruang (<i>Representations of Space</i>): Ruang gagasan (<i>idea</i>) dan bersifat tidak ketara | Ruang representasi (<i>Spaces of Representation</i>): Ketara (<i>Real</i>) + Tak ketara (<i>Imagined</i>), <i>Tangible+Intangible</i> |
| Takrifan Ruang daripada Edward Soja | | |
| Ruang Pertama (<i>Firstspace</i>) | Ruang Kedua (<i>Secondspace</i>) | Ruang Ketiga (<i>Thirdspace</i>) |

Ruang ketiga dipilih sebagai konsep di dalam penyelidikan ini untuk memahami pelbagai aktiviti yang berkait rapat dengan tradisi, sosial dan budaya yang membina aneka pengalaman individu. Konsep ini juga membantu penyelidik memahami pelbagai makna yang terkandung pada gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas di Pecinan, Lasem. Butiran kajian diperincikan pada Carta 1.1: Kerangka Teori Penyelidikan, di dalam perkara 1.7. Penyelidik meyakini bahawa konsep ruang daripada Lefebvre-Soja dapat digunakan untuk melihat “watak-watak pelakon” dengan unsur tempatan yang istimewa.

Penyelidikan ini bermula dengan keinginan untuk memahami permasalahan ruang di dalam kompleks bangunan bersejarah di Lasem iaitu rumah Peranakan di kawasan Pecinan, terutamanya berkenaan ruang pada gerbang rumah Peranakan. Lasem yang merupakan salah satu kawasan yang berjaya pada masa lampau, seolah-

olah telah dilupakan kini. Banyak maklumat sejarah yang tidak diketahui oleh masyarakat awam dan ada juga yang tidak mempedulikan pelbagai maklumat mustahak yang terkandung di dalamnya.

Penyelidikan ini membahagikan pandangan berbeza dalam memerhatikan gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas iaitu meneroka makna yang terkandung di dalamnya, melihatnya sebagai ruang ketara dan tak ketara sebagai ruang ketiga. Ruang adalah tempat lahirnya pelbagai aktiviti yang berhubung rapat dengan sosial, tradisi dan budaya. Ruang ketiga dibuat berdasarkan kewujudan ruang pertama dan kedua yang dikenali sebagai dualisme. Kewujudan ruang ketiga terus berkembang untuk meneroka pemikiran ruang melalui pertukaran atau penambahan pelbagai perkara yang bersifat peribadi yang melibatkan pelakon daripada ahli keluarga atau umum yang bukan ahli keluarga.

Kewujudan ruang tidak dapat diasingkan daripada keadaan yang telah berlaku pada masa lalu, pada masa kini, dan yang akan berlaku masa hadapan. Kejadian berkait rapat dengan masa daripada kewujudan sesebuah bangunan. Masa dan ruang adalah perkara yang sama—sama dengan bahagian dalaman dan bahagian luar yang menjadi isu saling berkaitan. Masa adalah dimensi ruang dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap ruang dan manusia tidak mempunyai keupayaan untuk menangkapnya (Frick, 1998; Gowinda, 1977). Ruang dapat hadir melalui semua deria manusia, khasnya melalui mata dengan sokongan cahaya. Ruang juga boleh ditangkap secara fizikal melalui deria rasa, bau, dan pendengaran (Frick; 1998). Meneroka kewujudan sebuah “ruang” pada gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas dapat mendedahkan identiti sesebuah kebudayaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengasah deria agar mempunyai pengetahuan dan kefahaman

terhadap makna di luar pembinaan fizikal gerbang rumah Peranakan (Rajah 1.8). Dengan kefahaman yang baik, orang akan lebih menghargai apa-apa sahaja warisan sejarah yang menjadi sebahagian daripada identiti bangsa, yang membawa kepada identiti diri.



Rajah 1.8 Gerbang rumah Peranakan, Pecinan, Lasem.
Sumber: Darmayanti, 2017.

1.4 Takrifan Umum Seni Bina, Rumah dan Gerbang

Gerbang adalah bahagian mustahak sesebuah seni bina, terutamanya rumah. Oleh sebab itu, perlu diketahui pelbagai takrifan tentang seni bina, rumah dan gerbang. Takrifan ini juga membantu dalam memahami tentang ruang ketiga pada gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas, Pecinan, Lasem dengan lebih mendalam.

1.4.1 Seni Bina dan Rumah

Caudill (1978) mengatakan bahawa seni bina merupakan pengalaman perseorangan yang menyeronokkan dan mustahak. Lebih terperinci, Rapoport (1979) pula menyatakan bahawa seni bina boleh dilihat melalui aspek aktiviti tertentu, mengingatkan individu pada sebarang aktiviti, dan menunjukkan kuasa, jantina, arah, individu atau masyarakat. Seni bina juga dapat digunakan untuk kajian sesebuah

ruang bagi kegunaan aktiviti manusia dengan bermatlamatkan kebahagiaan manusia. Pernyataan Rapoport tersebut bersesuaian dengan penyelidikan ini kerana dapat dijadikan salah satu asas maklumat dalam penyelidikan ini. Oleh itu, seni bina merangkumi hal-hal berikut: Pertama, kegunaan adalah sesuatu yang boleh menjadi tempat aktiviti manusia yang sesuai dengan keperluan manusia. Kedua, kekukuhan adalah sesuatu yang mempunyai sistem keamanan yang menaungi aktiviti yang terjadi di dalamnya. Ketiga, keelokan adalah sesuatu yang mengandungi makna berseni yang boleh menimbulkan kesan, mesej dan suasana (Depdikbud, 1993). Seni bina sentiasa mengalami perubahan, sama ada akibat permasalahan daripada masyarakat persekitaran atau adanya perubahan pandangan terhadap sesuatu hal. Pernyataan tersebut disokong oleh Giedion (1967) yang menyatakan bahawa perubahan seni bina terjadi kerana perubahan sosial, budaya dan seterusnya agama di dalam masyarakat tertentu. Seni bina dan reka bentuk dalaman berhubung rapat dengan pola pemikiran dan adat masyarakat. Sebuah bangunan tidak akan dibina tanpa sebab tertentu. Namun, pembinaannya adalah disebabkan keperluan terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat. Apapun yang dibina merupakan satu kesatuan daripada alam sekitar seperti sosial dan budaya.

Salah satu kewujudan seni bina adalah rumah. Rumah adalah tempat awal orang mengatur ruang antara satu sama lain dan mengatur ruang dengan persekitarannya (Darmayanti, 2017). Secara amnya, rumah adalah binaan kepada tempat tinggal. Pernyataan ini selari dengan Frick (2006) yang mengatakan bahawa rumah bukanlah semata-mata bangunan fizikal, tetapi ia juga merupakan tempat kediaman yang mengandungi syarat-syarat kehidupan yang wajar sebagai tempat perlindungan, menikmati kehidupan, berehat, dan bersuka ria bersama keluarga.

Rumah juga sentiasa menjadi tempat bersosialisasi dan diperkenalkan dalam norma dan adat kebiasaan yang berlaku di dalam sesebuah masyarakat. Identiti sesebuah rumah dapat dilihat daripada ruang-ruang dalamannya yang berfungsi sebagai tempat berinteraksi dan melakukan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan adat dan budaya (Ozaki, 2002). Rumah Peranakan di kawasan Pecinan, Lasem adalah salah satu seni bina bersejarah yang bersesuaian dengan huraian sebelum ini, dan ia merupakan hasil daripada kebudayaan kerana mengandungi elemen dan unsur kebudayaan asing (Cina dan Eropah) dan tempatan (Jawa).

1.4.2 Gerbang Rumah

Gerbang adalah salah satu ciri seni bina Cina yang paling menonjol, dalam sejarah dan juga sekarang. Dahulu, gerbang dikenali sebagai tanda masuk ke bandar empayar Cina, atau pintu masuk ke makam yang menandakan “alam kehidupan” yang berbeza. Gerbang merupakan ruang yang ditentukan, digambarkan, dan elemen yang hampir wajib bagi setiap tetapan atau struktur yang dibina. Ia adalah bukaan komunikasi antara bahagian luar dan bahagian dalam yang membentuk ruang penting antara dua alam (Dor, 2013).

“A gate is the first significant structure among all the house structures” (Xu, 2016).

Menyokong pernyataan sebelum ini, Xu mengatakan bahawa gerbang adalah struktur wajib dan penting daripada semua struktur rumah. Gerbang merupakan bahagian dinding terluar pada komponen rumah tradisional Cina dan menjadi artifak pemisah yang menentukan kewujudan ruang-ruang nyata dan tidak nyata di bahagian dalam dan bahagian luar gerbang. Gerbang berkait rapat dengan laluan masuk atau keluar, menjadi saluran penting yang menghubungkan ruang dalam dan luar, dan

memungkinkan aliran manusia, aktiviti dan objek antara dalam dan luar. Oleh itu, kajian tentang gerbang bukan hanya melihat garis pemisah antara keluarga di dalam rumah dan masyarakat di luar rumah, tetapi juga titik penghubung antara mereka (Xu, 2016).

Merujuk kepada aspek fizikal seni bina rumah, gerbang secara umum merupakan elemen struktur daripada sebuah rumah, dan ia merupakan elemen seni bina yang paling mendasar, betapa pentingnya di dalam seni bina dan budaya, hampir tidak dapat dipersoalkan. Dilihat daripada fungsinya, gerbang boleh ditutup dan dibuka. Ketika ditutup, gerbang menjadi sebahagian daripada pertahanan atau perlindungan sesebuah kawasan, tetapi apabila dibuka gerbang memberi erti sebagai menyambut, menjemput, keterbukaan atau memberi laluan. Laluan dapat dilihat secara fizikal melalui pelbagai aktiviti atau laluan yang bersifat simbolik seperti pengalaman yang berkait rapat dengan sejarah, tradisi dan budaya. Pernyataan ini disokong oleh Xu (2016) yang mengatakan bahawa melalui aktiviti, gerbang dapat menunjukkan pelbagai pergerakan spasial dari dalam ke luar dan sebaliknya serta sebagai penyeberangan sempadan antara bidang peribadi dan sosial yang bersifat awam. Berdasarkan huraian ini, asas kewujudan sebuah gerbang rumah adalah untuk memberikan perasaan selesa kepada penghuni rumah yang dilihat dari aspek ketara dan tidak ketara yang menyebabkan gerbang mempunyai makna.

Selari dengan Cullen (1998) yang menghuraikan gerbang melalui konsep *Here and There*, sebuah gerbang membahagikan persekitaran kepada dua, iaitu bahagian sini (*here*) dan bahagian sana (*there*). Ia memberikan rancangan pasti tentang gerbang yang mengandungi sifat penghantaran (*transmission*). Namun, di dalam konteks ruang, gerbang dilihat sebagai kawalan (*control*) yang bermakna

penghalang (*barrier*). Pandangan ini seterusnya membawa kepada konsep kewilayahan (*territoriality*). Selain itu, gerbang berfungsi sebagai pertahanan (*defense*), tidak semata-mata terhadap kejahatan tetapi juga reaksi sosial dan budaya yang berlaku di persekitarannya (Darmayanti, 2017: 79).

Dalam penyelidikan yang bertajuk *Lasem Architecture Lexicon* (Salura, 2008), diketahui bahawa salah satu elemen tradisi yang dikekalkan di Pecinan, Lasem adalah gerbang-gerbang rumah yang menunjukkan golongan ekonomi setiap penghuni. Thiis-Evensen dalam penyelidikan Astrid Austranti pada tahun 2017 mengatakan bahawa gerbang mempunyai dua elemen. Bukaan ialah elemen pertama yang terdiri daripada reka bentuk, lapisan pintu, dan saiz pintu sementara elemen kedua merangkumi ruang di sekitar pintu. Dalam penyelidikan ini, fokus gerbang adalah untuk membincangkan nilai tidak ketara (elemen kedua) dengan sentiasa berdasarkan pada nilai ketara (elemen pertama). Penjelasan ini berkait dengan konsep ruang ketiga yang akan menjadi landasan kepada analisis penyelidikan. Huraian Dor, Cullen, Xu, Darmayanti dan Austranti ternyata bersesuaian dengan kajian kes dalam penyelidikan ini, iaitu gerbang rumah Peranakan Lasem menjadi titik sempadan bahagian “sini” iaitu dalaman kompleks rumah, manakala bahagian “sana” iaitu luaran kompleks rumah. Oleh sebab itu, gerbang rumah Peranakan dikenali sebagai tanda kewilayahan dan identiti. Perihal gerbang rumah Peranakan di Lasem di huraikan secara rinci dalam Perkara 2.6.

1.5 Permasalahan Kajian

Identiti budaya sesebuah masyarakat semakin terhakis kerana kurang dihargai. Namun, identiti dapat dikekalkan menerusi budayanya yang teguh yang

dijelmakan menerusi bentuk fizikal dan makna yang terkandung di dalamnya (Nordin, 2014). Pernyataan itu berkait rapat dengan keadaan yang berlaku di Lasem. Rumah-rumah Peranakan sebagai bangunan bersejarah masih berjuang supaya sentiasa lestari, dan Lasem tidak kehilangan warisan budaya. Apabila diteliti secara terperinci, hal pelestarian rumah Peranakan di Pecinan, Lasem mempunyai hubungan dengan kajian kewujudan ruang ketiga pada gerbang rumah Peranakan.

Banyak kajian telah dilakukan di rumah Peranakan di Lasem, sama ada dari aspek budaya, sejarah atau dari aspek pemuliharaan. Kajian-kajian lepas menumpukan kajian mereka pada analisis reka bentuk seni bina dan dalaman rumah Peranakan di Pecinan, Lasem (Edi, 1989; Nas, 2002; Pratiwo, 2010, Fauzy, 2012; Handinoto, 2015 & Purwanto et al, 2014 & 2017) dan gerbang rumah Peranakan di kawasan Pecinan, Lasem (Salura, 2008; Darmayanti, 2017 & Sudarwani, 2018). Penyelidikan gerbang rumah Peranakan di Lasem seperti dilaporkan Austranti (2017) dan Wijayanti (2020) berjaya memperdalam kajian dari aspek fizikal dan budaya. Kewujudan gerbang sebagai sebahagian daripada rumah Peranakan paling hadapan dilihat sebagai entiti yang tidak dapat diasingkan daripada pengalaman kehidupan penghuni rumah yang saling mempengaruhi persekitaran. Kewujudan gerbang juga dilihat sebagai reaksi sosial dan budaya yang berlaku di persekitarannya (Cullen, 1998; Darmayanti, 2017).

Semua aspek yang disebut menjadi nilai asas kepada penyelidik untuk meneroka nilai gerbang rumah Peranakan di Pecinan, Lasem, khasnya Rumah Peranakan Kidang Mas. Walau bagaimanapun, ruang ketiga pada gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas di Pecinan, Lasem masih belum dikaji dan literatur berkaitan masih lagi terhad. Pengertian ruang ketiga pada gerbang Rumah Peranakan Kidang

Mas pada penyelidikan ini bukanlah ruang yang dapat dilihat dengan mata sahaja, tetapi ruang “falsafah” yang mewujudkan bahasa seni bina yang bersifat tidak ketara. Jurang inilah yang akan diisi oleh kajian ini.

Pada pertemuan Ikatan Peneliti Lingkungan Binaan Indonesia (IPLBI) pada tahun 2018, Profesor Purwanto, seorang pakar seni bina Peranakan daripada Universitas Katolik Soegijapranata, menyatakan bahawa penyelidikan tentang rumah Peranakan di Lasem telah dimulai sejak tahun 1992, dan banyak masalah umum ditemukan termasuk kerosakan fasad (*façade*) bangunan, khasnya gerbang sebagai identiti bangunan. Isu ini ditimbulkan kerana ramai pewaris atau pemilik rumah Peranakan meninggalkan Lasem sehingga rumah tidak terpelihara atau terbiar. Masalah lain ialah penjualan komponen rumah Peranakan, khasnya gerbang daripada kayu jati yang menjadi komoditi barangan antik. Jika kewujudan gerbang “hilang”, tidak akan ada lagi kewujudan ruang ketiga yang menyimpan pelbagai memori, pengalaman sosial dan budaya persekitaran rumah.

Sejak kebelakangan ini, rumah Peranakan di Pecinan, Lasem kurang dipelihara dan dihargai dengan baik sehingga menjadi isu nasional pada tahun 2019 apabila ada rumah Peranakan di Kampung Karangturi yang dirobohkan (KOMPAS, Januari 2019). Namun, sehingga tahun 2020 belum kelihatan aktiviti ketara yang berkait rapat dengan pelestarian. Pada seminar antarabangsa dalam talian tentang budaya Cina dan Indonesia pada Julai 2020, terdapat penjelasan dan perincian bagi pernyataan Profesor Purwanto pada tahun 2018 tentang kerosakan fasad rumah kerana ditinggalkan pemiliknya termasuk isu nasional yang timbul pada tahun 2019 tentang rumah dirobohkan atau dimusnahkan. Terdapat juga isu yang menyentuh tentang rumah Peranakan di Pecinan, Lasem yang telah dieksploit dan dihias dengan

keterlaluan. Berdasarkan huraian itu, berlaku pelbagai perubahan dan fungsi pada rumah Peranakan di Pecinan, Lasem yang selari dengan perkembangan sosial budaya Lasem dan peraturan Pemerintah selain kurangnya kefahaman yang mengakibatkan berlakunya kekeliruan konsep reka bentuk asal yang membawa kepada perbezaan makna dan terhakisnya nilai-nilai ruang dan identiti asal (Darmayanti, 2020). Perubahan dan kemajuan sesebuah bangunan atau aktiviti yang berlaku sentiasa dipengaruhi oleh kepentingan sosial, ekonomi, politik dan teknologi. Namun, jika tidak berhati-hati dalam membuat keputusan dan tindakan, tindakan yang diambil boleh mengabaikan keadaan asal yang sebenarnya mengandungi nilai sejarah (Ali, 2005 & Risdanti, 2009).

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, kajian tentang ruang ketiga pada gerbang rumah Peranakan di Pecinan, Lasem harus dilakukan untuk menyelamatkan dan lebih mengenali sesebuah identiti. Jika keaslian rumah Peranakan terhakis, maka reka bentuk dan falsafahnya tidak dapat diteroka dan identitinya menerusi bahasa seni bina tidak dapat dibaca lagi. Kewujudan gerbang rumah Peranakan mencerminkan budaya melalui pelbagai reka bentuk dan pelbagai aktiviti yang dijalankan. Falsafahnya pula mempunyai kelainan dengan rumah Peranakan lainnya yang di luar Lasem.

Berdasarkan huraian sebelum ini, didapati bahawa rumah Peranakan, terutamanya gerbang di Pecinan, Lasem memiliki banyak masalah walaupun masih mempunyai daya tarikan. Oleh itu, gerbang rumah Peranakan boleh dianalisis secara kritikal kerana dapatannya dapat melahirkan bahasa seni bina. Oleh sebab itu, konsep ruang ketiga diperlukan agar bahasanya boleh dibaca dan difahami. Kajian bangunan bersejarah dan budaya terus menjadi perkara menarik dan masih dilakukan sehingga

kini kerana manusia sentiasa tertarik pada sejarah dan budaya yang bersepadu dengan jati diri bangsanya. Disebabkan itu, kajian ini harus mempunyai nilai tempatan dan nilai global. Makna nilai global ialah permasalahan kajian yang boleh berlaku pada peringkat antarabangsa. Bangunan bersejarah yang mengandungi budaya sentiasa menjadi permasalahan di mana-mana negara. Di sebalik itu, makna nilai tempatan ialah permasalahan kajian ini juga boleh terjadi di negara sendiri sebagai tempat kajian (Darmayanti, 2015).

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan perbincangan masalah atau fenomena dan isu di atas, timbul beberapa persoalan yang harus menjadi asas kepada kajian ini. Kewujudan rumah Peranakan dan gerbang rumah bukan sahaja pada bentuk fizikal, namun setiap elemen fizikalnya terhasil daripada falsafah di sebaliknya yang memberi erti ke dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Selain itu, kewujudan nyata daripada gerbang rumah Peranakan juga dipengaruhi oleh akulturasi budaya tempatan dan asing yang berlaku di Lasem. Fokus kajian ini akan menumpukan kepada mencari jawapan terhadap persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah aspek sosio budaya yang mempengaruhi kewujudan gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas di kawasan Pecinan, Lasem, Jawa Tengah, Indonesia?
2. Bagaimanakah unsur sosio budaya membina Ruang Ketiga pada gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas, Lasem, Jawa Tengah, Indonesia?
3. Adakah bahasa seni bina yang mengandungi falsafah pada gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas, Lasem, Jawa Tengah, Indonesia sebagai Ruang

Ketiga berdasarkan aspek sosio budaya dengan pendekatan fenomenologi dan huraian naratif?


1.7 Objektif Kajian

Gerbang rumah Peranakan adalah sebahagian daripada kompleks rumah Peranakan yang dikategorikan sebagai bangunan kuno. Oleh itu, ia sentiasa melibatkan kajian sejarah, keadaan sosial dan budaya persekitaran serta pengalaman orang yang berada di dalamnya. Berdasarkan pernyataan masalah, jurang kajian dan persoalan kajian, kajian akan terlebih dahulu menjelaskan tentang beberapa rumah Peranakan di kawasan Pecinan, Lasem dan seterusnya memfokuskan kepada mengkaji kewujudan gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas sebagai kajian kes yang dikaitkan dengan aspek sosial dan budaya. Kajian dibuat dengan menitik beratkan nilai ketara iaitu reka bentuk, aktiviti atau tingkah laku dan nilai tidak ketara iaitu konsep, gagasan atau falsafah yang berlaku di dalam rumah Peranakan, Lasem. Oleh yang demikian, kajian ini menghasilkan satu kerangka teori bagi mengkaji tentang kewujudan ruang ketiga pada gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas, Lasem (Carta 1.1).

Berdasarkan kepada huraian yang telah dibincangkan di atas serta permasalahan dan persoalan kajian yang telah dibincangkan sebelum ini, maka objektif utama kajian ini dirangka bagi menjawab tentang kewujudan ruang ketiga pada gerbang rumah Peranakan, Lasem. Objektif-objektif kajian diperincikan seperti berikut:

1. Menganalisis aspek sosio budaya yang mempengaruhi kewujudan gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas di kawasan Pecinan, Lasem, Jawa Tengah, Indonesia.

2. Mengkaji aspek sosio budaya yang membina Ruang Ketiga pada gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas di kawasan Pecinan, Lasem, Jawa Tengah, Indonesia.
3. Mewujudkan bahasa seni bina menerusi gerbang Rumah Peranakan Kidang Mas di kawasan Pecinan, Lasem, Jawa Tengah, Indonesia yang dihasilkan oleh Ruang Ketiga berdasarkan aspek sosio budaya dengan pendekatan fenomenologi dan huraian naratif.



Carta 1.1: Kerangka Teori Penyelidikan

1.8 Faedah Kajian

Rekod tentang kewujudan sehingga falsafah bagi sebuah artifak bersejarah adalah penting kepada sesebuah negara. Maklumatnya sentiasa berfaedah untuk kepelbagaian aspek di dalam kehidupan. Aktiviti kehidupan menyebabkan perbezaan, perkembangan dan perubahan keadaan sosial budaya yang berlaku. Keadaan-keadaan ini boleh memberi kesan yang ketara pada kewujudan artifak. Agar kewujudannya sentiasa bermakna sehingga masa hadapan, usaha pelestarian pada bangunan yang mempunyai nilai sejarah perlu dilakukan. Antara usahanya ialah penyelidikan ini dengan perhatian sewajarnya untuk menyelamatkan dan membantu generasi masa hadapan mengenal jati diri dan asal-usul mereka. Faedah lain daripada penyelidikan ini ialah memberikan pemahaman tentang ruang sosial dan meneroka pelbagai aspek sejarah sehingga aktiviti sosial budaya yang menjadi kekuatan tempatan sekali gus identiti bangsa. Hal-hal ini dapat mengawasi kewujudan “ruang” di dalam gerbang yang menjadi “jambatan” antara ruang perseorangan dan ruang umum. Ia juga membahagikan matlamat yang lebih lengkap, terperinci dan boleh menjadi asas panduan untuk penyelidikan pada masa hadapan, khususnya tentang konsep ruang ketiga dan hubungannya dengan pendekatan fenomenologi dan huraian naratif. Dapatan kajian juga dapat menjadi salah satu jawapan dalam konteks pelestarian peninggalan budaya di mana-mana tempat agar masyarakat dapat memahami keadaan terbaru tanpa melupakan keadaan tempatan mahupun sejarah sesebuah tempat.

Hasil kajian yang diperoleh akan memberikan sumbangan berupa bahasa seni bina yang diperlukan kerana dapat dilihat sebagai sebuah identiti. Kenyataan ini disokong perbincangan pakar seni bina bersejarah di Indonesia iaitu Profesor